



23 MAY, 2026

## Rebat hingga RM3000

Harian Metro, Malaysia



# Rebat hingga RM3000

**Putrajaya:** Kerajaan memperkenalkan rebat solar di bawah program Sustainable Rebate and Incentive Assistance (SuRIA) Home bagi membantu rakyat dalam menghadapi krisis bekalan global akibat konflik di Asia Barat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, menerusi program itu, pengguna domestik yang memasang sistem Program Peralihan Tenaga Solar yang Diperkukuhkan (Solar ATAP) dan memenuhi kriteria kelayakan, boleh menerima rebat sebanyak RM600 bagi setiap 1kWac pemasangan solar sehingga maksimum RM3,000 bersamaan 5kWac.

“SuRIA Home ialah satu insentif yang kita lancarkan bagi memberi insentif kepada mereka yang memasang solar di bawah Solar ATAP yang dilancarkan mulai Januari lalu.

“Apabila ada suara-suara mengatakan tidak ada insentif diberi, jadi akhirnya kita putuskan untuk memberi insentif dengan peruntukan RM120 juta bermula 1 Jun hingga Disember tahun ini,” katanya.

Fadillah berkata, program berkenaan dijangka memberi manfaat kepada antara 45,000 hingga 50,000 rumah dengan kapasiti solar terkumpul sekitar 250MW, sekali gus memperluas penggunaan solar bumbung kediaman di seluruh negara.

“Program SuRIA Home dibuka kepada pemasangan solar yang di bawah program Solar ATAP yang mula beroperasi bagi tempoh sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga kuota 250MW penuh.

“Pelaksanaan rebat akan bermula pada 1 Jun ini dan tertakluk kepada prinsip *first come, first served*,” katanya.